

Utusan Malaysia - Ekonomi Malaysia Terus Berkembang Pada Separuh Pertama 2018

Isnin, Feb 26 2018

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada separuh pertama 2018

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Indeks Perlopor (IP), yang menjejaki prestasi awal ekonomi naik sebanyak 1.6 peratus pada Disember 2017, kata Jabatan Perangkaan hari ini.

Bagaimanapun, perubahan bulanan IP mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus pada bulan yang menjadi rujukan.

“Komponen utama yang menyebabkan penyusutan ini berpunca daripada import sebenar semikonduktor (-0.8 peratus) termasuk bilangan unit rumah yang diluluskan (-0.6 peratus),” katanya.

Sementara itu, Indeks Serentak (CI) yang mengukur aktiviti ekonomi semasa, merosot sebanyak 0.2 peratus pada Disember

2017 dengan Indeks Pengeluaran Perindustrian (-0.2 peratus) antara komponen yang menyumbang kepada penurunan ini.

Perubahan tahunan CI mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.2 peratus dalam bulan rujukan.

Secara keseluruhan, perubahan tahunan IP dan CI dalam Disember 2017 kekal positif pada

momentum yang lebih perlahan berbanding dengan bulan sebelumnya.

“Disokong oleh tahap kedua-dua Indeks Difus yang kekal di atas 50.0 peratus, adalah dijangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi akan terus berkembang sepanjang separuh pertama 2018,” katanya. - BERNAMA